

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 17 Ogos 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 29/2026

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/ Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Akademik/ Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/ Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Semua Pegawai Tadbir (Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN PASCASISWAZAH) DAN KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (PENGAJIAN PASCASISWAH) 2026

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia Bil. 4/2026 bertarikh 20 Julai 2026 telah meluluskan pemakaian Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswazah) 2026 dan Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswah) 2026 sebagaimana yang dilampirkan bersama-sama pekeling ini.

3. Pemakaian Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah tersebut akan berkuat kuasa mulai Sesi Akademik 2026/2027 dan terpakai kepada semua pelajar yang aktif dan mendaftar program pengajian pascasiswazah. Syarat penghantaran tesis atau disertasi untuk pemeriksaan dan syarat penerbitan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 2026 ini hanya terpakai khusus bagi pelajar sesi kemasukan 2026/2027.

4. Pekeling ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Pengurusan Akademik di pautan (<https://www.ukm.my/akademik/pekeling-akademik-ukm/>).

...2/-



PEJABAT PENGARAH
PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-80942061 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

5. Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibaca bersama-sama Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010 dan Kaedah-kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Kebangsaan Malaysia)(Tatatertib Pelajar) 2024.

6. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling ini, Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021 adalah dibatalkan dan tidak lagi berkuat kuasa. Oleh itu, semua garis panduan, pekeliling atau dokumen yang dikeluarkan berdasarkan Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021 adalah terbatal setakat mana ia bercanggah dengan Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswazah) 2026 dan Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Pascasiswazah) 2026.

7. Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) dimohon untuk mengambil perhatian mengenai pemakaian Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah ini serta memastikan hebahan meluas dibuat kepada semua staf akademik, pelajar, dan pihak berkepentingan. F/I/P juga hendaklah memastikan segala urusan berkaitan pengajian pascasiswazah dilaksanakan mengikut peruntukan yang telah ditetapkan.

8. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Pusat Pengurusan Akademik melalui e-mel dasarppa@ukm.edu.my.

9. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Prof.Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Penasihat Undang-undang, Pejabat Penasihat Undang-undang
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional (UKMShape)
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah, Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Pengarah, Pusat Hal-ehwal Pelajar (HEP)
 - Pengarah, Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global)
 - Ketua, Bahagian Hasil, Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari

-2-



PEJABAT PENGARAH

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-80942061 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik